- 1.12 **"BAUCAR PERLINDUNGAN TENANG"** atau **"BPT"** ialah baucar RM75 yang diperuntukkan kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang layak di bawah Program Baucar Perlindungan Tenang yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia untuk membantu penerima BKM untuk melanggan produk Perlindungan Tenang daripada pengendali insurans dan **Takaful** berlesen.
- 1.13 **"QARD"** merujuk kepada sebuah kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar jumlah penggantian yang sama kepada pemberi pinjaman. Di bawah **Sijil** ini, **Kami** akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam **ATKB** tanpa faedah jika **ATKB** mengalami defisit.
- 1.14 **"SYARIAH"** merujuk kepada undang-undang, ketetapan dan ajaran Islam. Dalam konteks **Sijil** ini, **"Syariah"** akan merujuk kepada undang-undang, ketetapan dan ajaran Islam berkenaan dengan perniagaan dan produk **Takaful**.

- 1.15 “JUMLAH PERLINDUNGAN”** merujuk kepada amaun perlindungan yang dinyatakan di dalam **e-Sijil** berkenaan manfaat yang disediakan di bawah **Sijil** ini.
- 1.16 “TABARRU”** bererti derma bagi tujuan kebajikan. Di bawah **Sijil** ini, **Anda** mendermakan sebahagian daripada **Caruman** ke dalam **ATKB** berdasarkan **Tabarru`** untuk membantu peserta-peserta lain. **Tabarru`** berkuat kuasa apabila **Anda** mencarum kepada **ATKB**.
- 1.17 “TAKAFUL”** merujuk kepada satu skim bantuan bersama yang berasaskan prinsip persaudaraan, perpaduan dan kerjasama di mana setiap peserta bersetuju untuk menyumbang sejumlah wang, berdasarkan **Tabarru`** kepada satu dana bersama bagi memberikan bantuan kewangan yang dibayar kepada peserta, orang yang dilindungi atau benefisiari apabila berlakunya kejadian yang telah pun ditakrifkan.
- 1.18 “KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL”** atau **“KMK”** merujuk kepada keadaan ketidakupayaan yang timbul dari mana-mana satu (1) daripada keadaan-keadaan berikut:
- 1.18.1** Sekiranya **Peserta** bekerja, keilatan yang disebabkan oleh kecederaan atau penyakit yang mana menghalang **Peserta** secara menyeluruh dan kekal dari melakukan segala aktiviti normal, iaitu melibatkan diri dalam sebarang perniagaan, pekerjaan, profesion atau melaksanakan sebarang kerja, bagi mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan. Keilatan tersebut mestilah berterusan untuk tempoh enam (6) bulan dan disahkan oleh pengamal perubatan yang **Kami** lantik;
- 1.18.2** Sekiranya **Peserta** tidak bekerja, maka keilatan yang disebabkan oleh kecederaan atau penyakit yang mana memerlukan **Peserta**, bagi sepanjang kehidupan lazim beliau seterusnya, yang akan bergantung kepada penjagaan dan perhatian perubatan yang tetap dan terbatas di dalam rumah, hospital atau institusi yang serupa. Keilatan tersebut mestilah berterusan dalam tempoh enam (6) bulan dan disahkan oleh pengamal perubatan yang **Kami** lantik; atau
- 1.18.3** Apabila berlakunya mana-mana yang berikut kepada **Peserta**:
- 1.18.3.1** kehilangan penglihatan menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan bagi kedua-dua belah mata;
- 1.18.3.2** kehilangan upaya secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan bagi dua (2) belah sama ada kaki dan/atau tangan pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki; atau
- 1.18.3.3** kehilangan penglihatan secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan bagi sebelah mata dan kehilangan upaya bagi sebelah kaki atau tangan pada atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki.

Bagi mengelakkan keraguan, **Peserta** dianggap “Bekerja” sekiranya beliau bekerja untuk orang lain atau bekerja sendiri sama ada sepenuh masa atau separuh masa, bagi mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan.

- 1.19 “WAKALAH”** merujuk kepada satu kontrak di mana suatu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain sebagai wakilnya untuk menjalankan tugas tertentu mengenai hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran. Di bawah **Sijil** ini, **Anda** memberi kuasa kepada **Kami** untuk menguruskan **ATKB** berdasarkan **Wakalah** dan sebagai balasan, **Kami** akan menerima Yuran **Wakalah**.
- 1.20 “KAMI”** merujuk kepada Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad.
- 1.21 “ANDA”** bererti **Peserta** seperti yang dinamakan di dalam **e-Sijil** dan kepada siapa **Sijil** ini dikeluarkan. Untuk mengelakkan keraguan, **Peserta** juga boleh menjadi orang yang dilindungi.

2. DESKRIPSI CARUMAN DAN CAJ

2.1 CARUMAN

Anda hendaklah membayar **Caruman** yang dinyatakan di dalam **e-Sijil** terlebih dahulu.

Perlindungan Anda dibawah pelan ini akan bermula pada **Tarikh Kuat Kuasa**.

Caruman yang dibayar akan dikreditkan ke dalam **ATKB** sebagai **Tabarru`**, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat **Sijil** ini.

2.2 YURAN WAKALAH

Bayaran Yuran **Wakalah** yang dikenakan di bawah **Sijil** ini ialah empat puluh peratus (40%) daripada **Caruman**. Yuran **Wakalah** akan ditolak terlebih dahulu daripada pembayaran **Caruman**.

3. PERISTIWA BAGI MANFAAT YANG AKAN DIBAYAR

Semasa **Sijil** ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syaratnya, apabila **Kami** menerima kelulusan ke atas bukti yang wajar dan/atau bukti lain yang memuaskan, **Kami** akan membayar manfaat-manfaat, apabila berlakunya mana-mana yang berikut sebelum **Tarikh Tamat**:

3.1 KEMATIAN

Apabila berlakunya kematian ke atas **Peserta**, **Kami** akan membayar **Jumlah Perlindungan** seperti yang dinyatakan di dalam **e-Sijil** sekiranya **Kami** menerima notis pemberitahuan kematian yang disertakan dengan dokumen bukti kematian.

3.2 KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL (KMK)

Sekiranya berlaku **KMK** ke atas **Peserta**, **Kami** akan membayar **Jumlah Perlindungan** seperti yang dinyatakan di dalam **e-Sijil** sekiranya **Kami** menerima bukti **KMK** yang memuaskan ke atas **Peserta**.

Semua manfaat seperti yang dinyatakan akan dibayar daripada **ATKB**.

4. PENGECUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah **Sijil** ini yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, dari mana-mana satu (1) sebab berikut:

4.1 KEMATIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah **Sijil** ini bagi kematian **Peserta** akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.

4.2 KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL (KMK)

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah **Sijil** ini untuk **KMK** ke atas mana-mana **Peserta** yang mana **KMK** tersebut telah wujud pada atau sebelum **Tarikh Kuat Kuasa**, atau yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana sebab berikut:

- 4.2.1 Cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
- 4.2.2 Penerbangan, peluncuran, atau sebarang jenis penerbangan di udara selain dari seorang juruterbang, anak kapal atau penumpang bertambang biasa syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
- 4.2.3 Peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;
- 4.2.4 Sebarang pelanggaran undang-undang atau sebarang aktiviti jenayah atau pengganas yang dilakukan, cuba dilakukan atau diprovokasi oleh **Peserta**; atau
- 4.2.5 Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

5. PERUNTUKAN AM

5.1 KONTRAK

Sijil ini, Borang Cadangan dan Akuan dan segala deklarasi dokumen yang berkenaan dan / atau pernyataan yang merangkumi **Sijil** ini bersama dengan sebarang **Endorsemen** yang dibuat oleh **Kami**, akan membentuk keseluruhan kontrak antara **Anda** dan **Kami**. Semua pernyataan yang dikemukakan akan dianggap sebagai representasi dan bukannya jaminan. Sekiranya dibuktikan bahawa terdapat penipuan dalam pernyataan yang dikemukakan oleh **Anda** atau salah nyata yang **Anda** lakukan adalah dengan sengaja atau melulu, **Kami** berhak untuk mengisytiharkan kontrak tersebut sebagai tidak sah.

Sekiranya terdapat pindaan yang perlu ke atas **Sijil** ini, ianya hendaklah diluluskan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh **Kami**.

5.2 TEMPOH PERLINDUNGAN

Perlindungan di bawah **Sijil** ini akan bermula daripada **Tarikh Kuat Kuasa** dan berakhir pada **Tarikh Tamat** dengan syarat ia tidak ditamatkan mengikut peruntukan di bawah “Penamatan Sijil ini” seperti klausa di bawah.

5.3 KAWASAN GEOGRAFI

Semua manfaat yang dinyatakan di dalam **Sijil** ini berkuatkuasa di seluruh dunia, dua-puluh-empat (24) jam sehari.

5.4 PENGURUSAN DANA

Berdasarkan kebenaran yang diberikan kepada **Kami** oleh **Anda** dan para peserta yang lain, **Kami** akan menguruskan **ATKB** mengikut **Syariah** dan dengan cara yang dapat memelihara kepentingan para peserta. **Kami** mempunyai budi bicara untuk melakukan apa-apa tindakan yang dianggap perlu untuk faedah para peserta dan dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada melaburkan dana dan mendapatkan takaful semula yang mencukupi, tertakluk kepada keperluan **Syariah** dan kawal selia.

5.5 PENGAGIHAN LEBIHAN

Sebarang lebihan dari **ATKB** tersebut akan disimpan di dalam **ATKB** sebagai persediaan dan membuat peruntukan bagi sebarang pengalaman tuntutan yang tidak menguntungkan.

5.6 REKTIFIKASI DEFISIENSI & KERUGIAN

Sekiranya **ATKB** mengalami defisit, **Kami** akan memberikan pinjaman tanpa faedah kepada **ATKB** berdasarkan **Qard** untuk memperbaiki defisit tersebut.

Sebarang keuntungan daripada pinjaman akan dimiliki oleh **ATKB** (kumpulan peserta) dan pinjaman akan dibayar apabila **ATKB** kembali ke kedudukan lebihan. **Kami** mungkin mengetepikan hak **Kami** untuk menerima pembayaran balik pinjaman.

Sekiranya **ATKB** mengalami defisit atau mengalami kerugian akibat salah urus atau kecuaiian **Kami**, **Kami** akan melakukan pemindahan secara langsung untuk memperbaiki defisit atau kerugian tersebut.

5.7 MATAWANG BAYARAN

Semua bayaran di bawah **Sijil** ini harus menggunakan matawang sah Malaysia.

5.8 NOTIS

Sebarang surat-menyurat, notis, permintaan atau arahan yang diperlukan oleh **Kami** mestilah secara bertulis melalui media elektronik atau secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir **Anda** yang berada dalam rekod **Kami**.

5.9 PINDAAN

Sekiranya suatu permohonan adalah diperlukan untuk perubahan pada **Sijil** ini, **Kami** haruslah dimaklumkan tentang sebarang perubahan pada jawapan **Anda** atau sebarang perkara yang sebelum ini telah didedahkan di dalam permohonan **Anda** yang telah dihantar sebelum **Sijil** ini diubah.

Pindaan kepada **Sijil** ini tidak sah kecuali ianya diluluskan, disokong dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh **Kami**.

5.10 SALAH NYATA / PENIPUAN

Sekiranya terdapat salah nyataan oleh **Anda**, ia akan ditangani mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana ia dapat mengakibatkan perkara berikut:

5.10.1 **Sijil** ini menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak;

5.10.2 perubahan kepada terma-terma **Sijil** ini;

5.10.3 perubahan dalam amaun **Caruman**; atau

5.10.4 sebarang pilihan lain yang sesuai berdasarkan salah nyataan tersebut.

5.11 SERAHAN

Serahan adalah tidak terpakai untuk **Sijil** ini. **Perlindungan** akan dihentikan pada **Tarikh Tamat**.

5.12 PENAMATAN SIJIL INI

Sijil ini akan ditamatkan secara automatik apabila berlakunya salah satu (1) dari perkara berikut:

- 5.12.1** apabila pembatalan **Sijil** ini oleh **Anda** dalam Tempoh Penelitian Percuma;
- 5.12.2** apabila pembatalan **Sijil** ini oleh **Kami**;
- 5.12.3** apabila terdapat penipuan atau salah nyataan terhadap maklumat penting atau deklarasasi / pernyataan palsu semasa permohonan dan / atau tuntutan;
- 5.12.4** apabila berlakunya kematian atau **KMK** ke atas **Anda** seperti yang diperuntukkan dalam Klausula 3; atau
- 5.12.5** pada **Tarikh Tamat**.

Sekiranya penamatan berlaku kerana (5.12.1) dan (5.12.3) dan **Caruman Anda** dibayar menggunakan **BPT**, **Kami** tidak akan mengembalikan kepada **Anda Caruman** yang dibayar menggunakan **BPT**. Sekiranya penamatan dilakukan dalam Tempoh Penelitian Percuma, **Anda** boleh menggunakan semula **BPT Anda** untuk menyertai pelan lain yang serupa.

Sekiranya penamatan berlaku kerana (5.12.1) dan (5.12.3) dan **Caruman Anda** dibayar menggunakan kad kredit / debit, **Kami** akan mengembalikan kepada **Anda Caruman** sepenuhnya, termasuk Yuran **Wakalah**.

Sekiranya penamatan itu disebabkan oleh (5.12.2), (5.12.4) dan (5.12.5), **Kami** tidak akan mengembalikan Yuran **Wakalah** kepada **Anda**.

5.13 PENGECUALIAN SEKATAN

Kami tidak akan dianggap memberikan perlindungan atau bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau manfaat seperti yang terkandung dalam **Sijil** ini sehingga peruntukkan perlindungan, pembayaran tuntutan atau manfaat tersebut akan mendedahkan **Kami** kepada:

- 5.13.1** sebarang sekatan atau larangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- 5.13.2** sekatan dagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan:
 - 5.13.2.1** European Union;
 - 5.13.2.2** United Kingdom;
 - 5.13.2.3** United States of America; atau mana-mana negeri di dalam negara di atas; atau
- 5.13.3** sebarang undang-undang dan peraturan tempatan.

Kami boleh menamatkan **Sijil** ini dengan serta-merta dan tidak akan diminta untuk menjalankan sebarang urusan niaga perniagaan dengan **Anda** selepas itu berhubungan dengan **Sijil** ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat atau menerima sebarang pembayaran di bawah **Sijil** ini.

5.14 HAK UNTUK PENAMATAN DISEBABKAN OLEH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

Sekiranya **Kami** mengetahui, atau mempunyai kecurigaan yang wajar, bahawa **Sijil** ini dieksploitasi untuk aktiviti pengubahan wang haram atau membiayai keganasan, **Kami** berhak untuk menamatkan **Sijil** ini dengan segera. **Kami** akan menguruskan semua **Caruman** yang telah dibayar dan semua manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan **Sijil** ini dengan cara yang **Kami** fikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

5.15 TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti akan dibawa untuk menuntut atas **Sijil** ini sebelum tamatnya enam puluh (60) hari selepas bukti kehilangan bertulis telah diberikan mengikut keperluan **Sijil** ini. Sekiranya Peserta / Penama **Anda** / wasi atau pentadbir harta pusaka **Anda** yang sah gagal mengemukakan bukti kehilangan yang diperlukan seperti yang ditetapkan dalam terma-terma dan syarat-syarat **Sijil** ini, beliau boleh, dalam tempoh tangguh satu (1) tahun kalendar dari masa bukti bertulis kehilangan itu harus dilengkapkan, menyerahkan bukti kehilangan yang berkaitan kepada **Kami** dengan sebab-sebab munasabah mengenai kegagalan memenuhi terma-terma dan syarat-syarat dalam **Sijil** ini. Penerimaan bukti kehilangan tersebut bergantung kepada budi bicara **Kami** sepenuhnya. Selepas tamat tempoh tangguh, **Kami** tidak akan menerima, dengan alasan apa pun, bukti kehilangan bertulis.

5.16 CUKAI

Kami berhak untuk memungut sebarang cukai yang dibenarkan di bawah Undang-Undang Malaysia. Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad pada cukai jualan dan perkhidmatan dan / atau mana-mana bentuk barangan atau cukai penggunaan lain yang sedang berkuatkuasa atau dilaksanakan selepas tarikh **Sijil** ini akan dicaj mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Cukai berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada **Caruman** yang berkenaan dan caj-caj lain.

5.17 AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (APDP 2010)

Anda boleh membuat pertanyaan atau meminta akses atau melakukan pembetulan Data Peribadi **Anda** atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi **Anda** pada bila-bila masa sahaja dengan mengemukakan pertanyaan atau permintaan tersebut kepada **Kami** melalui emel ke csu@takaful-malaysia.com.my. **Kami** akan menyimpan maklumat peribadi **Anda** hanya untuk tempoh yang perlu sahaja bagi memenuhi tujuan ianya dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang, peraturan atau polisi dalaman.

Anda telah menyatakan persetujuan untuk Data Peribadi **Anda** dikumpulkan dan diproses oleh **Kami** untuk tujuan yang dinyatakan dan mengikut Pemberitahuan Privasi **Kami** seperti yang diterbitkan di laman web **Kami**.

5.18 UNDANG-UNDANG TERPAKAI

Sijil ini, dan segala hak, kewajipan dan liabiliti di bawah **Sijil** ini, hendaklah ditafsir, ditentukan dan dikuatkuasakan mengikut Undang-Undang Malaysia.

5.19 PIAGAM KHIDMAT PELANGGAN

Anda boleh mengunjungi laman web **Kami** untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Piagam Khidmat Pelanggan **Kami**.

PENYATA MAKLUMAT SIJIL TAKAFUL myTENANG CARE

1. TEMPOH PENELITIAN PERCUMA

Sekiranya **Anda** tidak berpuas hati dengan **Sijil** ini di atas sebarang sebab, **Anda** boleh memohon untuk membatalkannya dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran **Sijil** ini menerusi emel. Sekiranya **Caruman Anda** dibayar menggunakan **BPT**, **Kami** tidak akan mengembalikan kepada **Anda Caruman** yang dibayar menggunakan **BPT**. Walau bagaimanapun, **Anda** boleh menggunakan semula **BPT Anda** untuk menyertai plan lain yang serupa.

Sekiranya **Caruman Anda** dibayar menggunakan kad kredit / debit, **Kami** akan mengembalikan kepada **Anda Caruman** sepenuhnya, termasuk Yuran **Wakalah**.

2. BUKTI UMUR

Bukti umur **Peserta** akan diperlukan oleh **Kami** sebelum sebarang pembayaran manfaat dibayar di bawah **Sijil** ini melainkan maklumat ini pernah ditentusahkan dan diperakui benar oleh **Kami**.

3. PENAMAAN

3.1 **Anda** boleh menamakan sesiapa pun untuk menerima pembayaran manfaat sekiranya **Anda** meninggal dunia, sama ada sebagai wasi atau benefisiari di bawah **Hibah** bersyarat.

3.2 **Anda** boleh membatalkan sebarang penamaan dan / atau menamakan penama-penama lain dengan pemberitahuan yang diterima dan didaftarkan dengan sewajarnya oleh **Kami**.

3.3 Sekiranya **Anda** telah menamakan lebih daripada seorang penama, pembayaran manfaat, sekiranya ada, akan diberi kepada penama yang masih hidup pada waktu kematian **Anda** secara sama rata kecuali telah ditentukan oleh **Anda**; dan bayaran tersebut akan dianggap sebagai pelepasan yang sah ke atas liabiliti **Kami** di bawah **Sijil** ini.

3.4 Apabila penama meninggal dunia setelah kematian **Anda** tetapi sebelum sebarang pembayaran manfaat dibuat, **Kami** akan membayar manfaat-manfaat tersebut kepada:

3.4.1 Harta pusaka **Anda** sekiranya penama adalah wasi; atau

3.4.2 Harta pusaka bagi penama yang telah meninggal dunia sekiranya penama adalah benefisiari di bawah **Hibah** bersyarat.

3.5 Sekiranya tiada penamaan yang sah ketika **Anda** meninggal dunia, pembayaran manfaat hendaklah dibayar kepada wasi atau pentadbir yang sah bagi harta pusaka **Anda**. Sekiranya tiada wasi atau pentadbir yang sah bagi harta pusaka **Anda** ketika pembayaran manfaat dibuat, **Kami** akan membayar kepada pihak yang menuntut sehingga amaun maksimum yang dibenarkan di bawah Undang-Undang Malaysia, dan baki, sekiranya ada, akan dibayar kepada orang yang dinamakan sebagai wasi atau pentadbir yang sah bagi harta pusaka **Anda** mengikut perintah mahkamah seterusnya yang **Kami** terima.

4. PERTUKARAN ALAMAT

Adalah penting untuk **Anda** memaklumkan kepada **Kami** dengan serta-merta berkenaan pertukaran alamat supaya **Kami** boleh memastikan **Anda** diberitahu mengenai sebarang maklumat yang penting. **Anda** juga harus memaklumkan kepada **Kami** pertukaran alamat penama untuk memudahkan pengurusan pembayaran tuntutan.

5. KEMUDAHAN MEMBAYAR CARUMAN

Caruman di bawah **Sijil** ini adalah terhad kepada mod tahunan sahaja.

Anda boleh membayar **Caruman** menggunakan **BPT** atau melalui kad kredit atau kad debit (dimana berkenaan).

6. PERTANYAAN / PENGURUSAN ADUAN

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai sebarang hal yang berkaitan dengan **Sijil Anda**, **Anda** boleh merujuk kepada Unit Khidmat Pelanggan (UKP) **Kami** di:

Unit Khidmat Pelanggan (UKP)

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

Tingkat 14, Blok Annexe,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur

P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

Emel: csu@takaful-malaysia.com.my

Laman Web: takaful-malaysia.com.my

7. SALURAN BAGI RAYUAN TUNTUTAN

Sekiranya **Anda** memerlukan penjelasan lanjut atau **Anda** tidak berpuas hati dengan jawapan atau keputusan tuntutan yang diberikan oleh unit pengurusan aduan **Kami**, sila hubungi Unit Khidmat Pelanggan (UKP) **Kami** di talian 1-300 88 252 385 atau emel **Kami** di csu@takaful-malaysia.com.my dan **Kami** akan memberikan respons yang sewajarnya. Bagi kes-kes rayuan, **Kami** akan membawa perkara yang sama kepada pihak pengurusan kanan **Kami** untuk semakan dan akan memberikan respons **Kami** sekiranya rayuan **Anda** telah diputuskan/ditentukan oleh **Kami**.

Sekiranya **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan akhir berkaitan dengan rayuan **Anda**, **Anda** boleh merujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) atau BNMTELELINK, Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat-alamat berikut dalam masa enam (6) bulan selepas keputusan **Kami**.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan [200401025885 (664393-P)]

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Tel: 603 2272 2811

Fax: 603 2272 1577

Emel: enquiry@ofs.org.my

Laman Web: www.ofs.org.my

BNM Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Tingkat Bawah, Blok D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 (LINK)

Fax: 03-2174 1515

Email: bnmtelemail@bnm.gov.my

PANDUAN DAN PROSEDUR TUNTUTAN

1. NOTIS TUNTUTAN

Notis tuntutan bertulis yang mengandungi butiran yang mencukupi untuk mengenalpasti **Anda** mestilah dihantar kepada **Kami**, dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh berlaku atau bermulanya tuntutan tersebut.

Kegagalan memberi notis dalam jangka masa tersebut tidak akan menjadikan tuntutan tersebut tidak sah sekiranya terdapat sebab-sebab yang boleh diterima oleh **Kami** bahawa tiada berkemungkinan untuk memberikan notis tersebut dan notis telah diberikan seawal yang mungkin.

2. BUKTI TUNTUTAN

Bukti tuntutan yang memuatkan bersama borang tuntutan yang disediakan oleh **Kami** dan diisi dengan lengkap mestilah dikemukakan kepada **Kami** dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berlaku atau bermulanya tuntutan tersebut.

3. SIJIL, MAKLUMAT DAN BUKTI

Semua sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh **Kami** harus dikemukakan dalam format yang dikehendaki oleh **Kami** dan perbelanjaannya ditanggung oleh **Anda**. Bagaimanapun, semua notis, yang **Kami** kehendaki **Anda** kemukakan, mestilah secara bertulis dan dialamatkan kepada **Kami**. **Anda** harus, di atas permintaan dan dibiayai oleh **Kami**, mengemukakan satu laporan perubatan pada bila-bila masa yang dianggap perlu.

4. PEMBAYARAN TUNTUTAN

Pembayaran manfaat kematian akan dilakukan dalam tempoh lima (5) hari bekerja sementara pembayaran manfaat **KMK** akan dilakukan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh penerimaan pemberitahuan tuntutan, dengan dokumen yang lengkap seperti yang dinyatakan dalam Klausa 6 bahagian ini. **Kami** berhak untuk menangguhkan jangka masa pengiraan pemprosesan tuntutan disebabkan:

- 4.1 pemberian dokumen sokongan yang tidak lengkap oleh **Anda**;
- 4.2 menunggu pengesahan dari parti ketiga seperti pengamal perubatan; atau
- 4.3 sebarang sebab-sebab lain yang diluar kawalan **Kami**.

Bayaran tersebut, sekiranya ada, akan diberi kepada **Anda** / penama **Anda** / wasi atau pentadbir harta pusaka **Anda** mengikut terma-terma dan syarat-syarat **Sijil** ini. Selepas **Kami** telah membuat pembayaran tersebut, ia akan memberikan pelepasan penuh terhadap tanggungjawab **Kami**.

Kami berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya **Kami** tidak berpuas hati dengan bukti yang dikemukakan untuk tuntutan tersebut.

Sekiranya terdapat penipuan tuntutan atau terdapat unsur-unsur fraud/penipuan, termasuk deklarasasi / pernyataan palsu, melambung atau membesar-besarkan tuntutan atau penyerahan dokumen yang dipalsukan, telah digunakan untuk mendapat manfaat di bawah **Sijil** ini, **Kami** tidak akan membayar tuntutan dan segala perlindungan di bawah **Sijil** ini akan dilucutkan.

5. TERMA DAN SYARAT

Pihak yang menuntut bertanggungjawab untuk memastikan tuntutan yang dikemukakan adalah untuk manfaat yang dinyatakan dalam **Sijil** ini. Sebarang ketidaksamaan mengenai definisi skop perlindungan akan sentiasa dirujuk sepertimana yang dinyatakan dalam **Sijil**.

6. BORANG TUNTUTAN DAN DOKUMEN SOKONGAN (SALINAN MESTI DISAHKAN)

6.1 Tuntutan Kematian

- 6.1.1 Borang tuntutan (yang telah dilengkapkan)
- 6.1.2 Salinan sijil kematian si mati
- 6.1.3 Salinan permit pengebumian (sekiranya sijil kematian tiada)
- 6.1.4 Salinan kad pengenalan si mati
- 6.1.5 Salinan kad pengenalan penama
- 6.1.6 Laporan polis sekiranya kematian disebabkan oleh kemalangan
- 6.1.7 Laporan perubatan (tidak wajib melainkan diminta oleh **Kami**)

6.2 Tuntutan **KMK**

- 6.2.1** Borang tuntutan (yang telah dilengkapkan)
- 6.2.2** Salinan kad pengenalan pihak menuntut
- 6.2.3** Salinan surat pemberhentian dari majikan (tidak wajib melainkan diminta oleh **Kami**)
- 6.2.4** Salinan Laporan Panel Lembaga Perubatan / Laporan Socso
- 6.2.5** Laporan polis sekiranya keilatan disebabkan oleh kemalangan
- 6.2.6** Laporan perubatan dari pengamal perubatan yang **Kami** lantik

Nota: **Kami** berhak untuk meminta dokumen tambahan, jika perlu.